

Kerja dalam Sungai Bukit Belacan bermula

KUALA LUMPUR: Kerja pembersihan serta mendalamkan Sungai Bukit Belacan, Ampang dipercayai menjadi punca limpahan air sehingga mengakibatkan banjir Rabu lalu dimulakan hari ini.

Jurucakap Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Hulu Langat berkata, kerja mengorek serta mendalamkan sungai itu dijalankan secara berperingkat selepas semua aktiviti membersihkan sungai yang kini dipenuhi sampah serta kayu selesai dijalankan.

Katanya, JPS juga menunggu sehingga semua penduduk di kawasan terbabit selesai menjalankan kerja membersih dan mengangkut barangan yang rosak untuk dipindahkan ke kawasan lain.

"JPS akan mula melakukan kerja membersihkan kawasan sekitar sungai termasuk menyelenggara jambatan yang roboh sebelum kerja mendalamkan sungai dilakukan," katanya ketika dihubungi.